

GANGGUAN DALAM SISTEM GILIRAN BERTUTUR KANAK-KANAK MELAYU: SUATU ANALISIS PRAGMATIK

*Noor Aina Dani,
Zaitul Azma Zainon Hamzah*

Abstrak

Dalam makalah ini, Teori Relevan (1986, 1995), telah digandingkan dengan kerangka perbualan Schlobinski (1996), untuk membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu.

Hasil kajian mendapati kanak-kanak mencetuskan gangguan dengan tujuan menyampaikan maklumat, menambahkan maklumat, dan mendapatkan giliran bertutur. Namun, terdapat juga gangguan yang dicetuskan oleh kanak-kanak untuk menyatakan bantahan dan mencetuskan konflik. Seterusnya, pendekatan pragmatik didapati telah menghasilkan dapatan kajian yang jitu tentang gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu.

Abstract

This article aimed to analyse interruptions in the turn-taking system of speech among Malay children. The results of the study showed that children create interruptions to give and add information, to get their turns to speak and to offer sympathy. However, interruption is also used as a strategy to show disagreement and to create conflict.

Thus, the pragmatics approach is established as a capable way of interpreting the meaning of utterances in the Malay children's conversation. The combination of both Relevance Theory and Schlobinski's conversation analysis framework has resulted in significant findings about utterance meaning and the communicative behavior of Malay children.

PENDAHULUAN

Gangguan dalam sistem giliran bertutur adalah merujuk kepada tindakan penutur lain mengambil giliran bertutur daripada penutur semasa secara menyampuk ketika penutur semasa sedang meneruskan giliran bertuturnya. Kesan daripada gangguan ini, penutur semasa terpaksa menamatkan giliran bertuturnya sebelum sampai ke tempat penyertaan giliran yang relevan (*Transition Relevance Place*) yang seterusnya dikenali sebagai TPR. Manakala penutur yang mencetuskan gangguan secara tidak langsung telah mengambil giliran bertutur sehingga ke tempat TPR ataupun terpaksa melepaskan giliran bertuturnya apabila ada penutur lain yang mencetuskan gangguan lalu mengambil giliran bertutur daripadanya.

Manakala sistem giliran bertutur merujuk pada peraturan pertukaran giliran bertutur oleh seorang penutur yang mengambil giliran untuk berbual sehingga membawa kepada giliran penutur seterusnya. Pertukaran penutur dalam sistem giliran bertutur ini akan menyerlahkan tingkah laku penuturnya seperti menyampuk, mengajuk, mengulang dan menyindir. Tingkah laku ini lahir dalam perbualan yang menyambungkan dua ujaran atau rangkaian ujaran para penutur yang terlibat dalam pertukaran giliran bertutur ini.

Dalam suatu segmen perbualan, komponen yang membina giliran bertutur adalah terdiri daripada perkataan, frasa, klausa dan ayat. Komponen ini akan ditanggap dan dikenal pasti wajar oleh pendengar untuk membolehkannya meneruskan perbualan seterusnya. Mengikut Sperber dan Wilson (1986, 1995), prinsip Relevan memfokuskan tumpuan kepada lakuan penutur dan pendengar dalam suatu proses komunikasi berorientasikan pengetahuan yang ada dalam komponen kognitif mereka. Oleh itu, penutur dan pendengar harus menyampaikan maklumat yang relevan berdasarkan konteks dan situasi perbualan itu.

Sehubungan itu, untuk menguji keberkesanan proses interpretasi makna ujaran antara penutur dengan pendengar, pendengar harus merujuk pada titik permulaan perbualan, iaitu topik yang sedang diperkatakan dan konteks yang melatari perbualan itu. Titik permulaan ini lazimnya merujuk pada tanggapan pendengar terhadap maklumat perbualan yang relevan. Maklumat yang relevan dengan konteks dan kognisi penutur dan pendengar akan memberikan kesan konteks yang tinggi bagi memudahkan penutur seterusnya memproses maklumat dalam perbualan itu serta membolehkannya mengambil giliran bertutur pada tempat yang relevan.

Namun, disebabkan analisis perbualan tidak terlibat dalam menginterpretasi makna ujaran penuturnya, maka adalah wajar pendekatan

pragmatik dijadikan gabungan yang padu dalam menginterpretasi makna ujaran kanak-kanak. Gandingan ilmu pragmatik adalah perlu untuk menyerlahkan tujuan kanak-kanak menyampuk ketika mereka berbual dan mengambil giliran bertutur dalam sesuatu perbualan. Penginterpretasian makna ujaran apabila digabungkan dengan aspek tingkah laku dalam perbualan penutur dan pendengarnya dapat menyerlahkan darjah kefahaman interpretif di kalangan kanak-kanak. Dengan itu dalam perbualan kanak-kanak Melayu, pengkajian tentang gangguan dalam sistem giliran bertutur dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya dapat menyerlahkan aspek kecekapan pragmatik yang telah dikuasai oleh kanak-kanak, di samping menyerlahkan kesempurnaan makna yang ada dalam pemikiran kanak-kanak terhadap sesuatu konsep, tingkah laku, dan peraturan sosial yang dikuasai dan difahami daripada konteks, lalu disampaikan melalui bahasa.

Gandingan kedua-dua analisis perbualan dan pragmatik ini dianggap wajar dalam usaha membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur. Di samping itu, kajian ini juga dapat memancarkan maklumat bahawa gangguan dalam sistem giliran bertutur adalah ditentukan oleh konteks dan maklumat yang relevan dengan topik yang diperbualkan.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian pragmatik di negara ini lebih cenderung kepada pragmatik orang dewasa, contoh kajian Nor Hashimah Jalaluddin (1990, 1992, 1995, 1998), Jamaliah Mohd. Ali (1995), Sew Jyh Wee (1996), dan Marsis Muhamad Nasir (1997). Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa kajian tentang pragmatik kanak-kanak Melayu masih tandus terutamanya kajian tentang gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak.

Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak, sekali gus bagi menyerlahkan peraturan perbualan yang meliputi peraturan sosiolinguistik, panduan kesopanan serta proses pragmatik seperti proses penyertaan dalam giliran bertutur. Hal ini demikian kerana dalam sesuatu perbualan, kerjasama diperlukan untuk mewujudkan interaksi antara penutur dan pendengar, (Grice, 1975).

Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat menjelaskan tujuan kanak-kanak mencetuskan gangguan dalam sistem giliran bertutur dan menginterpretasi makna ujaran kanak-kanak Melayu. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat mem-

pertingkat lagi kewibawaan Teori Relevan dalam membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak Melayu.

Penginterpretasian makna menggunakan pendekatan pragmatik dapat memberi penginterpretasian makna dengan lebih tepat dan jelas, di samping dapat memahami hajat si penutur ketika menyampaikan sesuatu ujaran. Tambahan pula, pengkajian tentang bahasa Melayu terutama yang melibatkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak haruslah ditinjau daripada sudut pandangan masyarakat dan budaya Melayu itu sendiri. Hanya kajian yang tidak mengabaikan konteks seperti ini yang benar-benar dapat memperlihatkan budaya dan pemikiran masyarakat Melayu secara adil. Selain itu, sesuatu kajian itu harus juga ditunjangi oleh teori yang sesuai dengan bahasa yang dikaji. Penghuraian bahasa tanpa menggunakan teori adalah ibarat pemerian bahasa tanpa landasan, (Nor Hashimah Jalaluddin, 1991).

Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak menggunakan kerangka perbualan Schlobinski (1996), dan Teori Relevan (1986,1995).

Batasan Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan pada ciri pragmatik dalam sistem giliran bertutur dalam perbualan kanak-kanak Melayu, iaitu penutur jati bahasa Melayu yang berusia 5 hingga 6 tahun lebih dan sedang menerima pendidikan prasekolah. Keseluruhan data kajian diperoleh daripada ujaran kanak-kanak yang menerima pendidikan prasekolah di tiga buah tabika dan sebuah tabika swasta di Sungai Ramal, Kajang.

Definisi Operasional

1. Gangguan

Gangguan dalam sistem giliran bertutur merujuk pada tindakan penutur lain mengambil giliran bertutur daripada penutur semasa secara menyampuk ketika penutur semasa sedang meneruskan giliran bertuturnya.

2. Sistem Giliran Bertutur

Sistem giliran bertutur adalah merujuk kepada sistem pertukaran penutur oleh seorang penutur yang ambil giliran untuk berbual sehingga membawa kepada giliran penutur seterusnya.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian lapangan, melibatkan kaedah tinjauan dan pemerhatian, bertujuan untuk mengetahui tujuan kanak-kanak mencetuskan gangguan dalam sistem giliran bertutur. Sampel kajian terdiri daripada 36 orang kanak-kanak Melayu prasekolah yang berumur di antara 5 hingga 6 tahun lebih. Data lapangan ini dirakam dan dipilih berdasarkan kerelevannya mengikut objektif kajian. Data-data yang telah dikutip dianalisis secara kualitatif menggunakan gabungan teori pragmatik, iaitu Teori Relevan (1986, 1995) dan kerangka perbualan Schlobinski (1996).

TEORI RELEVAN

Teori Relevan menekankan kerelevan sesuatu ujaran adalah bergantung pada kesan konteks ataupun kognisi dan usaha pemprosesan maklumat antara penutur dan pendengar. Mengikut Sperber dan Wilson (1986), sesuatu ujaran itu harus mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata (*manifest*). Apabila andaian daripada ujaran yang dihasilkan itu mudah dikesan oleh pendengar dan banyak bukti yang melatarinya, maka ujaran itu dapat dianggap sebagai ujaran yang bermanifestasi.

Dalam komunikasi, persekitaran kognitif harus diambil kira. Persekitaran kognitif bagi pendengar ialah set-set fakta yang dapat dimanifestasikan kepada pendengar yang terlibat dalam perbualan. Sifat manifestasi ini mempunyai darjah yang tersendiri dan darjah inilah yang menentukan kerelevan sesuatu ujaran yang dikomunikasikan.

Komunikasi, mengikut Sperber dan Wilson (1986, 1995), adalah modifikasi daripada persekitaran kognitif pendengar. Tujuan berkomunikasi adalah untuk mencipta pemikiran atau kepercayaan pada pihak pendengar serta berniat memindahkan beberapa jenis maklumat pada fikiran pendengar.

Seseorang penutur apabila mengujarkan sesuatu, sebenarnya menyampaikan set-set andaian yang mudah diproses oleh pendengar. Penutur itu akan membekalkan bukti kepada pendengar dengan cara membuat ujaran tersebut bermanifestasi. Yang cuba dikomunikasikan ialah set andaian dan bukannya seberkas maklumat yang khusus. Penutur akan mencuba mengubah persekitaran kognitif pendengar dengan menambah jumlah set andaian pada persekitaran kognitif atau mencuba menghasilkan ujaran yang mudah dikesan dan dinilai. Kejayaan sesebuah komunikasi ini sangat bergantung pada cara komunikasi itu disampaikan. Kenyataan ini dikenali sebagai prinsip Relevan. Prinsip Relevan menekankan bahawa:

- i. Andaian asas

Teori Relevan menekankan kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya akan menumpukan perhatian kepada maklumat yang relevan dengan dirinya.

ii. Kesannya

Usaha memproses ujaran adalah tidak sama bagi pendengar, ada yang mudah dan ada yang susah. Oleh itu, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan kepada pendengar untuk menginterpretasi ujaran tersebut.

Interpretasi yang terbaik adalah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini (Sperber dan Wilson, 1986). Oleh itu, penutur seharusnya memberikan maklumat yang relevan dan cuba membawa pendengar bersetuju dengan persepsi mereka dengan memberikan premis-premis tambahan yang ada dalam nahu kognitif mereka. Apabila premis tambahan yang diberikan setimpal dengan maklumat yang difahami oleh pendengar, maka ujaran itu dianggap relevan.

Analisis Perbualan

Mengikut Sacks (1984, 1985), analisis perbualan adalah untuk menghuraikan cara seseorang penutur menggunakan bahasa dalam kehidupan sosial. Langkah dan penghuraian dalam analisis perbualan adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri penerimaan umum dan tingkah laku peserta perbualan (penutur dan pendengar) yang terlibat dalam perbualan tersebut (bentuk linguistik dan bukan linguistik) serta dapat memahaminya sebagai satu komponen peristiwa yang dibina oleh peserta perbualan. Perkara utama yang dirujuk adalah cara ujaran itu dikendalikan oleh para peserta dalam perbualan tersebut.

Kajian dalam analisis perbualan tumpuan kepada peraturan kebiasaan dan urutan dalam interaksi sosial seperti sistem giliran bertutur, peraturan yang mendasari pertukaran penutur, dan strategi melancarkan proses komunikasi oleh penuturnya sebagai langkah mengatasi gangguan interaksi.

Sehubungan itu, analisis perbualan tampak dengan jelas tidak berminat dalam mengkaji struktur tatabahasa sebaliknya menumpukan perhatian kepada perbualan bersahaja. Dua komponen utama dalam analisis perbualan adalah seperti yang berikut:

1. Peraturan ambil giliran
2. Peraturan peruntukan giliran


Peraturan 1 terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

- i. Jika sumbangan penutur semasa mempunyai halangan untuk penutur pilihan mengambil giliran, maka penutur semasa mem-

- punyai hak untuk meneruskan perbualannya.
- ii. Jika giliran tidak mempunyai halangan kepada penutur lain, maka penutur pilihan sendiri adalah dibenarkan untuk mengambil giliran dan sesiapa yang pertama memulakan percakapan akan memperoleh giliran itu.
 - iii. Jika giliran itu tidak mempunyai halangan untuk pilihan orang lain, penutur semasa boleh meneruskan perbualan kecuali apabila ada peserta yang ambil giliran bertutur.

Peraturan 2 pula menggariskan andaian seperti yang berikut:

- i. Jika sampai di TPR penutur semasa tidak memilih sesiapa untuk meneruskan giliran maka sesiapa saja boleh mengambil giliran bertutur.
- ii. Jika penutur semasa meneruskan perbualan, maka penutur seterusnya akan menanti gilirannya di TPR bagi membolehkan mereka menyertai dalam giliran bertutur yang relevan (Sila rujuk Rajah 1 yang berikut).



Rajah 1 Sistem Giliran Bertutur Berdasarkan Pragmatik.

Sumber : Dipadankan daripada Schlobinski (1996:209).

1 Padanan Kerangka perbualan Schlobinski yang diguna dalam kajian ini bermaksud penulis telah mengubahsuai kerangka asal Schlobinski (1996) dengan dapatkan kajian penulis berdasarkan pragmatik.

Sebagai kesimpulan, analisis perbualan berbeza daripada metodologi lain kerana analisis perbualan hanya mengutamakan teks perbualan yang dituturkan oleh lebih daripada seorang penutur. Pemahaman konteks adalah sesuatu yang berbeza kerana analisis perbualan mengutamakan konteks refleksif. Konteks refleksif bermaksud setiap ujaran dibentuk oleh konteks ujaran terdahulu dan serentak dengan itu menyediakan konteks untuk ujaran seterusnya. Ujaran itu bukan sahaja dibentuk oleh konteks tetapi juga diubahsuai oleh konteks.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian melibatkan kaedah pemerhatian dan rakaman audio. Rakaman dilakukan semasa perbualan berlangsung di dalam kelas, waktu rehat, dan waktu selepas sesi persekolahan tamat. Cara ini dilakukan selaras dengan cadangan Labov, seorang ahli sosiolinguistik yang terkenal. Mengikut Labov (1970), cara yang terbaik untuk memperoleh data yang bermutu dan lengkap daripada percakapan individu adalah dengan merakamkan perbualan individu melalui pemerhatian yang paling nyata. Kaedah ini diibaratkan sebagai pelengkap kepada kaedah pemerhatian.

Penganalisisan Data

Data-data yang telah dikutip dianalisis secara kualitatif menggunakan gabungan teori pragmatik, iaitu Teori Relevan dan kerangka perbualan Schlobinski. Pada bahagian ini, andaian yang terkandung dalam teori pragmatik digunakan untuk membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur. Dengan ini, data yang dikutip menjadi lebih sahih dan berwibawa.

PERSEMAHAN DAPATAN

Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak

Daripada kajian yang dijalankan, didapati wujudnya gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak. Gangguan ini terjadi akibat daripada perbuatan kanak-kanak yang menyampuk ketika penutur semasa masih dalam giliran bertutur. Menyampuk bermaksud mencampuri dan mengganggu percakapan penutur yang sedang bertutur dengan tujuan mendapatkan giliran bertutur bagi menyampaikan sesuatu yang tersimpan dalam pemikiran hasil daripada maklumat konteks. Maklumat yang disampaikan itu ada kala berkaitan dengan topik perbualan dan ada kalanya tidak. Ada kalanya maklumat itu disampaikan dengan niat ikhlas dan ada kalanya tidak. Oleh sebab itu, perbuatan menyampuk dirujuk kepada perbuatan yang mencetuskan gangguan dalam sistem giliran bertutur.

Daripada dapatan kajian, didapati penutur yang menyampuk dengan tujuan untuk menyampaikan sesuatu dengan niat tidak ikhlas telah mengarah kepada kesan negatif seperti mencetuskan konflik dan pergaduhan. Mengikut Sacks, Schlegloff dan Jefferson (1978:34), gangguan terjadi jika penutur baru mengambil giliran bertutur di tempat yang bukan Tempat Penyertaan yang Relevan (*Transition Relevance Place*) atau dikenali sebagai TPR. TPR ini dirujuk sebagai tempat-tempat yang tertentu yang memberi isyarat kepada penutur lain untuk mengambil giliran bertutur. Tempat pertukaran giliran ini boleh dikenal pasti selepas satu giliran bertutur yang lengkap, contohnya selepas satu ayat, klausa, frasa, dan juga perkataan. Mengikut Jamaliah Mohd. Ali (1995:116), semasa bercakap ada tempat-tempat yang tertentu yang memberi isyarat kepada orang lain untuk masuk bercakap. Tempat itulah Tempat Penyertaan yang Relevan (*Transition Relevance Place*).


Dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak, didapati kanak-kanak menyampuk lalu mencetuskan gangguan dengan tujuan untuk melahirkan idea dan maklumat, mendapatkan maklumat, mendapatkan giliran bertutur, mencetuskan konflik, dan menyatakan bantahan. Hal ini dapat dibuktikan daripada Data 1 dan 2 yang berikut:

1. Cikgu : Binatang apa tinggal dekat hutan?
Ain : Buaya, harimau, ular....
Zhafri : /// ‘Beastmaster’
Naim : /// Eh, ‘Tarzan’ le.
Mahathir : ‘Tarzan’. Sebab dia kawan dengan gajah, singa. Hoi, power!
Zhafri : Habis, kau nak jadi ‘Tarzan’. Tak payah le datang sekolah, bergayut aje.
Cikgu : Cikgu tanya binatang yang tinggal dekat hutan bukannya orang.
Zhafri : Tak apa le tu....
Naim : /// Cikgu, cikgu, ular boleh gigit kita, kan cikgu....
Zhafri : /// Ular mana boleh gigit. Ular mana ada gigi.
Cikgu : Ular tak gigit.... Ular patuk.
Naim : Kucing, anak kucing....
Ain : /// Kucing gigit kalau kita usik dia tidur.
Zhafri : /// Ala. Kita pegang pipi dia, kita pegang ekor dia, dia tak marah pun. Dia kecil. Gigi dia tak kuat sangat.
2. Cikgu : Satu lagi Allah jadikan, pokok. Pokok yang tinggi, pokok apa?

- Naim} : Pokok kelapa.
 Zharif} : Pokok kelapa.
 Mahathir : Saya selalu tolong emak siram pokok....
 Zhafri : /// Pokok dekat taman tu, siapa yang siram?
 Mahathir : Orang yang sembur.
 Zhafri : Ha, yang bawa lori tu kan.... MPSJ ya....
 Naim : /// Pokok kalau tak siram, tak hidup kan cik....
 Zhafri : /// Yang dalam hutan tu...?
 Naim : Tarzan siram.
 Mahathir : Ha, ha Tarzan siram.
 Zhafri : Tarzan sama 'Beastmaster' hi, hi, hi.

Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Menggunakan Kerangka Perbualan Schlobinski (1996)

Dengan menggunakan kerangka analisis perbualan Schlobinski (1996) perjalanan dan gangguan yang dicetuskan oleh kanak-kanak dalam sistem giliran bertutur dapat digambarkan dalam Rajah 2 yang berikut:



Rajah 2 Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur (Data 1).

Sumber: Dapatkan kajian.

Catatan

1. Garisan menegak ke bawah – menunjukkan penyertaan penutur pilihan bebas yang seterusnya dikenali sebagai PPB di TPR.
2. Garisan melintang – menunjukkan penyertaan penutur pilihan sensitif yang seterusnya dikenali sebagai PPS. PPS mengambil giliran hasil daripada konteks dan kesan konteks ujaran penutur semasa dan tidak semestinya di TPR.
3. Tiga penyertaan giliran pertama ke TPR menggunakan anak panah ke kanan, manakala penyertaan giliran seterusnya dan penyertaan giliran terakhir ke TPR menggunakan anak panah ke kiri.
4. /// menandakan gangguan yang dicetuskan dengan cara menyampuk.

Daripada Data 1, Ain telah mengambil giliran bertutur dengan menjawab pertanyaan cikgu, “Binatang apa tinggal dekat hutan?” Walau bagaimanapun, giliran Ain telah diganggu apabila Zhafri bertindak mencetuskan gangguan dengan cara menyampuk, “Beastmaster” diikuti oleh Naim yang juga menyampuk melalui ujarannya, “Eh, Tarzan le” yang seterusnya membawa giliran ke TPR. Mengikut Sacks, Scegloff, dan Jefferson (1974, 1978:34), dan Schlobinski (1996:209), pada setiap TPR (*Transition Relevance Place*), penutur semasa akan mengarah penutur seterusnya untuk mengambil giliran bertutur, dan penutur tersebut perlulah mengambil giliran bertutur yang diperuntukkan kepadanya. Jika penutur semasa tidak mengarah mana-mana penutur untuk mengambil giliran bertutur, mana-mana penutur dibolehkan mengambil giliran bertutur. Walau bagaimanapun, jika tiada seseiapa yang ingin mengambil giliran bertutur selepas penutur semasa, maka penutur semasa akan mengambil gilirannya semula.

Di TPR ini, Zhafri seterusnya mengambil giliran bertutur dengan mengemukakan pertanyaan, “Mana kuat? Beastmaster ke Tarzan?” Pertanyaan Zhafri ini boleh dikategorikan sebagai pasangan adjasensi (*adjacency pair*). Mengikut Jurafsky dan Martin (2000:722), kategori pasangan adjasensi ialah soal jawab. Soal jawab ialah rangkaian dua ujaran yang dihasilkan oleh penutur-penutur yang berlainan. Penutur semasa akan mengarahkan pasangan perbualannya mengambil giliran bertutur jika diminta. Mengikut Sacks *et al.*, (1974:72), seseorang yang tidak mengambil giliran bertutur, mereka perlulah mendengar kepada setiap ujaran untuk mengetahui sama ada dirinya akan diarah untuk mengambil giliran seterusnya. Selain soal jawab, pasangan adjasensi yang lain ialah ucapan yang akan diikuti dengan ucapan balas, setiap pujiyan yang akan diikuti dengan perasaan senang hati dan setiap permintaan yang akan diikuti dengan

perasaan senang hati dan setiap permintaan yang akan diikuti dengan janji. Rangkaian ujaran pasangan adjasensi ini dihasilkan oleh penutur-penutur yang berlainan sama ada di TPR ataupun dalam giliran pasangannya.

Oleh itu, pertanyaan Zhafri memerlukan jawapan. Dengan itu, pertanyaan Zhafri telah mengarahkan Mahathir untuk mengambil giliran bertutur, diikuti oleh Zhafri, cikgu, dan Zhafri. Masing-masing mengambil giliran bertutur di TPR. Namun, giliran bertutur Zhafri telah diganggu oleh tindakan Naim yang menyampuk ketika Zhafri masih dalam giliran bertuturnya. Belum sempat Naim menamatkan giliran bertuturnya di TPR, Zhafri pula telah mencetuskan gangguan, seterusnya mengambil giliran bertutur hingga ke TPR. Di TPR, cikgu telah membina giliran bertutur dengan ujarannya, "Ular tak gigit ... ular patuk." Ujaran cikgu telah mengarahkan Naim mengambil giliran bertutur. Walau bagaimanapun, sekali lagi gangguan telah dicetuskan apabila Ain dan Zhafri sama-sama bertindak menyampuk untuk mendapatkan giliran bertutur bagi menyampaikan maklumat yang relevan dengan konteks ujaran tersebut.

Daripada kajian, terbukti memang terdapatnya gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak. Perjalanan giliran bertutur sehingga tercetusnya gangguan telah dapat digambarkan dalam Rajah 2 yang dipadankan oleh pengkaji daripada kerangka perbualan Schlobinski (1996:209).


Daripada Data 2, didapati berlakunya penyertaan giliran serentak oleh Naim dan Zhafri ketika menjawab pertanyaan cikgu, "Pokok yang tinggi, pokok apa?" Mengikut Sacks dan Schegloff (1978:34), penyertaan giliran serentak dapat dikelaskan sebagai ujaran interruptif. Dalam kajian ini didapati kanak-kanak melakukan penyertaan giliran serentak sebagai satu tindak balas aktif dan hasil daripada maklumat konteks.

Daripada topik 'pokok', Mahathir telah mengambil giliran bertutur dengan ujarannya, "Saya selalu tolong emak siram pokok." Ujaran Mahathir ini telah membawa ke TPR. Di TPR, Zhafri telah mengambil giliran bertutur dengan mengemukakan pertanyaan, "Pokok dekat taman tu, siapa yang siram?" Pertanyaan Zhafri telah mengarahkan Mahathir selaku penutur pilihan sensitif untuk mengambil giliran bertutur. Penutur pilihan sensitif dirujuk kepada penutur yang mengambil giliran bertutur dengan tujuan untuk menyampaikan sesuatu maklumat sebagai maklumat balas dalam kategori menyesuaikan pasangan kerana ujaran yang dilahirkan oleh penutur itu menunjukkan hubungannya dengan konteks ujaran penutur semasa. Penyertaan penutur pilihan sensitif ini lazimnya berlaku dalam giliran penutur semasa dan juga di TPR. Mengikut Schegloff (1973:2), dalam suatu proses perbualan, hanya terdapat seorang penutur yang bertutur pada suatu masa, tidak lebih dan

tidak kurang. Namun, daripada dapatan kajian ini, didapati ada kanak-kanak yang bertutur secara serentak dan berpasangan seperti mengajuk dan mengulang.

Dalam konteks ujaran ini, pertanyaan Zhafri telah mengarahkan Mahathir untuk mengambil giliran bertutur lalu memberikan jawapan, "Orang yang sembur". Daripada jawapan Mahathir, seterusnya telah mengarah Zhafri untuk mengambil giliran bertutur dengan ujarannya, "Aha, yang bawa lori tu kan ... MPSJ". Namun, ujaran Zhafri telah digangu oleh Naim yang menjadi penutur pilihan sensitif. Naim telah mengambil giliran bertutur dengan menyampuk untuk membuat pernyataan bahawa, "Pokok kalau tak siram tak hidup, kan cikgu." Ujaran Naim ini seterusnya telah mengarahkan Zhafri untuk mencetuskan gangguan buat kali kedua dengan menyampuk, "Yang dalam hutan tu?" Pertanyaan Zhafri ini telah mengarahkan Naim selaku penutur pilihan sensitif untuk mengambil giliran bertutur dengan mengujarkan, "Tarzan siram." Ujaran Naim, "Tarzan siram", telah menimbulkan kelucuan lalu mengarahkan Mahathir dan Zhafri mengambil giliran bertutur masing-masing di TPR dengan ujaran mereka, "Ha, ha Tarzan siram" dan "Tarzan sama Beastmaster, hi, hi, hi."

Gangguan dalam sistem giliran bertutur daripada Data 2 dapat dilihat dalam Rajah 3 yang berikut:



Rajah 3 Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur (Data 2).

Sumber: Dapatan kajian.

Nota: { } menandakan gandingan suara serentak

/// menandakan gangguan yang dicetuskan.

[] pertindanan suara.

Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Menggunakan Analisis Teori Relevan (1986, 1995)

Dalam bahagian ini, Teori Relevan dimanfaatkan untuk menganalisis kesan gangguan yang terdapat dalam perbualan kanak-kanak. Teori Relevan dapat menginterpretasikan kesan gangguan dengan sempurna setelah mengambil kira kepentingan konteks, kesan konteks, dan kos proses. Teori ini juga dikaitkan dengan kognisi kerana Sperber dan Wilson (1986, 1995), berpendapat peranan kognisi adalah terlibat dalam merancang komunikasi bagi penutur dan menghasilkan mesej bagi pihak pendengar. Hal yang demikian, jelas bahawa Teori Relevan berwibawa dalam menginterpretasi gangguan yang dicetuskan oleh kanak-kanak dalam perbualan mereka.

Daripada Data 1, didapati gangguan telah dicetuskan oleh Zhafri dan Naim. Zhafri bertindak mencetuskan gangguan melalui ujarannya, "Beastmaster" sebagai satu jawapan kepada soalan cikgu yang berkaitan dengan "Binatang apa yang tinggal dekat hutan?" Selepas Zhafri, Naim juga turut mencetuskan gangguan dengan menyampuk melalui ujarannya, "Eh, Tarzan le." Kedua-dua kanak-kanak ini mencetuskan gangguan dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat yang ada kaitannya dengan konteks soalan cikgu, iaitu tentang binatang yang tinggal dalam hutan. Daripada konteks dan maklumat konteks, pendengar dapat menerima bahawa memang 'Tarzan dan Beastmaster' tinggal dalam hutan. Cuma yang berbezanya ialah 'Tarzan dan Beastmaster' bukan binatang. Namun demikian, setelah diproses, didapati jawapan yang diberikan oleh Zhafri dan Naim dapat dianggap sebagai relevan kerana kognisi kanak-kanak membuat persepsi secara menyeluruh, iaitu 'tinggal dalam hutan'. Kognisi kanak-kanak menyimpan maklumat bahawa hanya haiwan yang tinggal dalam hutan, manakala manusia tinggal di luar hutan, iaitu di kampung dan di bandar-bandar dan manusia belajar di sekolah. Pendapat ini lahir daripada pengalaman dan realiti kehidupan kanak-kanak itu sendiri. Hal ini dibayangkan jelas dalam ujaran Zhafri, "Habis kau nak jadi Tarzan, ya. Tak payah le datang ke sekolah, bergayut aje." Daripada ujaran Zhafri ini, jelas menunjukkan maklumat daripada konteks situasi digabungkan dengan maklumat daripada konteks pengalaman, lalu mencetuskan idea untuk maklumat perbualan.

Daripada perbualan dalam Data 1 juga, menunjukkan konteks membekalkan maklumat sehingga membawa kepada tercetusnya gangguan, dan gangguan ini didapati menyebabkan komunikasi antara cikgu dengan murid-muridnya tergendala dan bertukar topik. Bagi menyekat perjalanan fantasi kanak-kanak yang mula menjelajah tentang kehidupan 'Tarzan dan

Beastmaster', cikgu terpaksa mengambil giliran bertutur dan mengujarkan, "Cikgu tanya binatang yang tinggal dekat hutan bukannya manusia." Tindakan cikgu ini telah menghentikan perjalanan pemikiran kanak-kanak tentang dunia fantasi mereka, "Tarzan dan Beastmaster" dan telah membawa mereka kembali kepada topik pelajaran yang diingini. Namun, Zhafri yang masih seronok dengan alam fantasinya tentang "Tarzan and Beastmaster", merasa terkilan dengan ujaran cikgu ini lalu melahirkan ujaran, "Tak apa le tu." Ujaran Zhafri secara tersiratnya meminta dibenarkan mereka melayari alam fantasi mereka yang tercetus hasil daripada konteks ujaran cikgu, "Binatang apa tinggal dalam hutan?" Hal ini sekali gus menyerahkan tahap kognisi kanak-kanak yang aktif menjana idea yang relevan daripada topik perbualan mereka untuk dijadikan maklumat komunikasi mereka.

Seterusnya, Naim telah mencetuskan gangguan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat yang relevan dengan konteksnya. Ujaran Naim, "Cikgu, cikgu, ular boleh gigit kita, kan cikgu" jelas menunjukkan maklumat yang dikehendaki oleh Naim daripada cikgu. Ujaran Naim ini sekali gus telah mengarahkan penutur lain untuk kembali kepada topik perbualan yang dihajati oleh cikgu. Hal ini terbukti dengan gangguan yang dicetuskan oleh Zhafri dan Ain. Ujaran Zhafri, "Ular mana boleh gigit. Ular mana ada gigi" dan "Eh, kita pegang pipi dia, kita pegang ekor dia, dia tak marah pun. Dia kecil. Gigi dia tak kuat sangat" dengan jelas menunjukkan bantahan Zhafri terhadap maklumat yang tidak relevan dengan konteks dan kognisinya. Dalam konteks perbualan ini, Zhafri didapati tidak bersetuju dengan pendapat Naim, "Cikgu, cikgu, ular boleh gigit kita, kan cikgu" dan dengan pendapat Ain, "Kucing gigit kalau kita usik dia tidur". Tindakan Zhafri yang tidak setuju dengan pendapat Naim dan Ain ini dinyatakan dengan cara mencetuskan gangguan dalam sistem giliran bertutur.

Sebagai kesimpulan, kanak-kanak mencetuskan gangguan dalam Data 1 adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang relevan dengan konteksnya, menyatakan bantahan, dan juga untuk mendapatkan maklumat yang dihajati dan relevan dengan konteksnya. Walaupun gangguan ini didapati mengganggu perjalanan komunikasi, namun hasil daripada konteks dan kesan konteks, didapati gangguan yang dicetuskan oleh kanak-kanak turut menyumbangkan idea yang relevan dengan konteksnya dan idea tersebut menjadi agenda perbualan seterusnya buat seketika. Hal ini demikian kerana kanak-kanak menyampuk disebabkan mereka begitu ghairah untuk menyampaikan sesuatu idea yang tersimpan dalam kognisi mereka untuk dikongsi bersama-sama dengan rakan penutur yang lain, di samping itu untuk menyatakan bantahan terhadap maklumat yang tidak

relevan dengan konteksnya.

Daripada Data 2 pula, didapati terdapatnya penyertaan giliran serentak oleh Naim dan Zhafri ketika mereka menjawab pertanyaan cikgu, “Pokok yang tinggi, pokok apa?” Walaupun Sacks dan Schegloff (1978), menganggap penyertaan giliran serentak ini sebagai ujaran interruptif, namun kajian ini mendapati kanak-kanak melakukan penyertaan giliran serentak sebagai satu respons yang relevan hasil daripada maklumat konteks. Maklumat daripada konteks dan kognisi ini diproses dan dijadikan suatu strategi untuk menuju kepada matlamat komunikasi yang didapatkan. Penyatuan dalam mengujarkan idea daripada konteks ujaran ‘pokok kelapa’ menyerlahkan bahawa maklumat daripada konteks dapat disatukan dengan maklumat yang tersimpan dalam kognisi kanak-kanak yang terlibat dalam perbualan ini. Maklumat ini diproses dan dilahirkan secara serentak bagi mencapai matlamat yang sama, iaitu memberikan jawapan kepada ujaran penutur terdahulu.

Daripada topik ‘pokok,’ Mahathir telah mengambil giliran bertutur dengan memberikan pernyataan yang relevan dengan konteks, iaitu “Saya selalu tolong emak siram pokok.” Ujaran Mahathir ini telah mengarahkan penutur yang sensitif dengan konteks ujaran itu untuk mengambil giliran bertutur. Sensitif konteks bermaksud maklumat daripada konteks ujaran penutur semasa dapat diproses oleh penutur pilihan bebas lalu mengarah penutur ini mengambil giliran bertutur daripada giliran penutur semasa. Penyertaan penutur pilihan sensitif ini lazimnya terjadi dalam giliran penutur semasa. Ada kala penyertaan penutur ini melibatkan gangguan, dan ada kalanya tidak. Namun terdapat juga kemungkinan penyertaan ini terjadi di TPR. Penyertaan di TPR didapati tidak melibatkan gangguan sebaliknya melibatkan sama ada penyertaan serentak ataupun gandingan suara.

Berbalik kepada konteks ujaran dalam Data 2, Zhafri telah mengambil giliran bertutur dengan mengemukakan pertanyaan, iaitu “Pokok dekat taman tu siapa yang siram?” Pertanyaan Zhafri ini telah membuka peluang kepada Mahathir untuk mengambil giliran bertutur dan memberikan jawapan, “Orang yang sembur.” Oleh sebab jawapan Mahathir diterima sebagai jawapan yang relevan, Zhafri tidak membantah sebaliknya melakukan penggabungan terhadap ujaran Mahathir dengan ujarannya. “Aha, yang bawa lori tu kan … MPSJ.” Namun ujaran Zhafri telah diganggu oleh Naim yang telah mengambil giliran bertutur dengan menyampuk untuk membuat pernyataan bahawa, “Pokok kalau tak siram tak hidup, kan cikgu.” Ujaran Naim ini seterusnya telah mengarah Zhafri sebagai penutur pilihan sensitif untuk mencetuskan gangguan dengan menyampuk, “Yang dalam

hutan tu?” Pertanyaan dalam ujaran Zhafri sekali gus telah membawa perjalanan pemikiran kanak-kanak kepada dunia cereka “Tarzan dan Beastmaster” yang telah diganggu dalam Perbualan 1. Dalam hal ini jelas bahawa konteks berperanan memberikan maklumat mengenai persekitaran yang paling dekat dan berkaitan dengan ujaran terdahulu yang paling hampir. Hal ini menepati maksud konteks yang dikemukakan oleh Teori Relevan (1986,1995).

Sehubungan itu, jelas sekali konteks telah beralih daripada konteks pendidikan kepada konteks alam fantasi yang berkisar pada pengalaman penutur itu sendiri. Gangguan yang dicetuskan oleh Zhafri telah mengarahkan Naim untuk mengujarkan jawapan yang relevan dengan konteks, iaitu “Tarzan siram”. Perkataan ‘Tarzan siram’ telah menimbulkan kelucuan bagi Mahathir dan Zhafri yang seterusnya telah menambahkan unsur kelucuan dengan ujaran mereka, “Tarzan sama Beastmaster, hi, hi, hi.”

Daripada Data 2, didapati pemikiran kanak-kanak begitu terpengaruh dengan dunia cereka dan watak-watak dalam rancangan televisyen. Maklumat ini disimpan dalam kognisi dan dilahirkan dalam konteks yang relevan. Tindakan cikgu yang menghalang perjalanan pemikiran fantasi kanak-kanak dalam Data 1 kerana mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran, telah dihidupkan kembali dalam konteks yang relevan seperti dalam Data 2. Hal ini sekali gus menyerahkan bahawa konteks berperanan menyumbang idea kepada kanak-kanak untuk mencetuskan gangguan bagi tujuan melahirkan ujaran yang relevan dengan topik perbualan tersebut.

Daripada konteks, didapati ujaran ‘Tarzan’ dan ‘Beastmaster’ ada kaitannya dengan siri televisyen yang digemari oleh kanak-kanak. Kanak-kanak membina konsep dan persepsi daripada konteks pengalaman lalu menjadikan watak ‘Tarzan dan Beastmaster’ sebagai hero dalam kognisi mereka. Jadi, apabila wujudnya konteks yang relevan, maklumat yang tersimpan dalam kognisi itu akan dilahirkan sama ada melalui gangguan ataupun melalui giliran bertutur di TPR, sesuai dengan topik yang sedang diperbualkan.

Rasional Teori dengan Dapatan Kajian

Teori Relevan dimanfaatkan dalam kajian ini kerana teori ini dapat menginterpretasikan makna dengan sempurna setelah mengambil kira kepentingan konteks, kesan konteks, dan kos proses. Teori ini juga dikaitkan dengan kognisi kerana penciptaannya berpendapat peranan kognisi terlibat dalam merancang komunikasi bagi penutur dan menganalisis mesej bagi

pihak pendengar. Hal ini demikian kerana Teori Relevan bersandarkan wawasan bahawa suatu yang dipentingkan dalam ujaran ialah kerelevannya dan bukan kebenaran mutlak. Dengan itu, apabila hajat penutur dapat diterima oleh pendengar, barulah ujaran itu dapat dianggap sebagai relevan.

Oleh yang demikian, kewibawaan dan kelebihan Teori Relevan terbukti apabila dapat digunakan untuk membincangkan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak. Walaupun gangguan yang dicetuskan oleh kanak-kanak itu dianggap melanggar peraturan giliran bertutur (Sacks, Schegloff dan Jefferson 1974, 1975), tetapi mengikut Teori Relevan, gangguan yang dicetuskan untuk melahirkan maklumat yang relevan dengan konteksnya dapat diterima sebagai relevan. Inilah kelebihannya penginterpretasian makna menggunakan Teori Relevan yang menekankan kepentingan konteks. Pendengar masih dapat mengesan mesej yang ingin disampaikan berdasarkan konteks walaupun mesej dan maklumat itu disampaikan dengan cara menyampuk.

Rasional dengan Kerangka Perbualan Schlobinski

Kajian ini yang menerapkan padanan kerangka perbualan Schlobinski didapati telah dapat menyerlahkan aspek tingkah laku penutur kanak-kanak dalam sistem giliran bertutur. Selain itu, analisis perbualan ini telah dapat memberikan lebih banyak tumpuan kepada aspek interaksi yang mencetuskan gangguan dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak. Melalui padanan kerangka analisis perbualan ini, kajian terhadap sesuatu data yang mencetuskan gangguan dapat dihuraikan dengan lebih terperinci selain daripada menonjolkan faktor sosiolinguistik, latar perbualan, dan hubungan di antara para peserta dalam perbualan tersebut.

Implikasi Dapatan Kajian

Daripada kajian yang dijalankan, didapati kanak-kanak menggunakan strategi mencetuskan gangguan untuk mendapatkan giliran bertutur. Strategi gangguan tersebut adalah dengan menyampuk. Dengan perbuatan menyampuk ini, akan menyebabkan berlakunya gangguan dalam sistem giliran bertutur kerana penutur semasa belum menamatkan giliran bertuturnya. Selain itu, perbuatan menyampuk ini menyerlahkan suatu sikap dan tumpuan pendengar terhadap perbualan rakan-rakannya. Sehubungan itu, setiap penutur dan pendengar terhadap perbualan rakan-rakannya. Sehubungan itu, setiap penutur dan pendengar akan menyampuk apabila

perlu dan strategi ini memang diharapkan berlaku dalam kes-kes tertentu bagi melancarkan proses komunikasi.

Kanak-kanak juga didapati mencetuskan gangguan dengan tujuan menyampaikan maklumat tambahan yang relevan dengan konteks, menambahkan maklumat kepada ujaran penutur semasa, dan mendapatkan giliran bertutur.

KESIMPULAN

Daripada kajian yang dijalankan didapati kanak-kanak menunjukkan ciri bekerjasama dalam perbualan. Hal ini terbukti dalam gangguan yang terdapat dalam sistem giliran bertutur kanak-kanak. Walaupun berlakunya gangguan, namun, fenomena yang dianggap tidak sopan oleh penutur dewasa ini, didapati berperanan melancarkan proses komunikasi, di samping menjadi pendorong kepada kanak-kanak untuk melahirkan pendapat dan pemikiran sesuai dengan konteksnya. Kesannya, gangguan sebegini dapat diterima. Strategi ini dapat dikenal pasti sebagai pencetus kepada proses dan kelincinan dalam perbualan. Oleh yang demikian, gangguan tidak pernah dianggap sebagai suatu tingkah laku yang negatif dalam kalangan kanak-kanak.

RUJUKAN

- Allwood, J., 1977. *On the Analysis of Communication Action*. In H. Brenner (ed.), (1980). *The Structure of Action*. Oxford: Basil Blackwell.
- Blackmore, D., 1993. *Understanding Utterances: An Introduction to Pragmatics*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Brown, G., dan Yule, G., 1983. *Discourse Analysis*. London: Cambridge University Press.
- Burgess, R., 1994. *In the Field: An Introduction*. London: Routledge.
- Cixourel, Aaron V., 1992. *The Interpenetration of Communicative Context: Examples from Medical Encounters*, in Alexander Duranti and Charles Goodwin (eds.), *Rethinking Context*. Cambridge: Cambridge University Press, hlm. 291–311.
- Grundy, P., 1995. *Doing Pragmatics*. Great Britain: Edward Arnold.
- Jamaliah Mohd. Ali 1995. “Malaysian Student Seminars: A Study of Pragmatic Features in Verbal Interaction”. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, 1995.
- Jurafsky, D., dan Martin, J.H., 2000. *Speech and Language Processing: An Introduction to Natural Language Processing, Computational Linguistics, and Speech Recognition*. New Jersey: Prentice-Hall Inc.
- Marsis Muhammad Nasir, 1997. “Perkembangan Makna dari Semantik ke

- Pragmatik". *Jurnal Dewan Bahasa* 41 (11): 1008–1022.
- Mey, J., 1993. *Pragmatics: An Introduction*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Morais, Elaine, 1994. "Malaysian Business Talk: A Study of Conflicts and Non-Conflict in Verbal Interactions". Ph.D., Thesis, Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992a. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1995. "Bahasa Jual Beli dalam Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik". Tesis Ph.D., Universiti Malaya, 1995.
- Nor Hashimah Jalaluddin 1996. "Tatacara Kajian Lapangan: Satu Panduan". *Jurnal Dewan Bahasa*. 40(1): 44–54.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. "Bahasa, Sosialisasi, dan Kognitif: Satu Pendekatan Teori Relevan". *Jurnal Dewan Bahasa* 42 (12): 1084–1093.
- Ramos F. Yus, 1998. "A Decade of Relevance Theory". *Journal of Pragmatics*. 305–345.
- Sacks, H., Schegloff, E., dan Jefferson, G., 1974. *A Simplest Systematics for the Organization of Turn Taking for Conversation*. *Language* 50(4): 696–735.
- Sacks, H., Schegloff, E., dan Jefferson, G., 1974. *A Simplest Systematics for the Organization of Turn Taking for Conversation*. *Language* 59(4): 696–735.
- Sacks, H., Schegloff, E., dan Jefferson, G., 1978. "A Simplest Systematics for the Organization of Turn Taking for Conversation". Dlm. Jim Schenkein (ed.). *Studies in the Organization of Conversational Interaction*. New York: Academic Press.
- Samarin, W., 1967. *Field Linguistics: A Guide to Linguistic Field Work*. New York: Holt Rinehart and Winston Inc.
- Schlobinski, Peter, 1996. "*Empirische Sprachwissenschaft*". Opladen: Westdeutscher Verlag, in Stefan Titscher et al. *Methods of Text and Discourse Analysis 2000* London: Sage Publications.
- Sperber, D., dan Wilson 1986a. *Relevance Theory: Communication & Cognition*. Oxford: Basil Balckwell.
- Sperber, D., dan Wilson, 1990. *Representation and Relevance*. Mental Representations, (ed.), Kempson R.M. London: Cambridge University Press.
- Sperber, D., dan Wilson, D., 1995. (2nd edn): *Relevance. Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Yule, G., 1996. *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2000. "Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan Kanak-Kanak Melayu-Satu Analisis Pragmatik". Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2002, "Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik". Tesis Ph.D., Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifley Hamid, 1991. "Pentafsiran Makna Pragmatik Sebagai Kaedah yang Lebih Lengkap". *Jurnal Dewan Bahasa* 35(7): 570–575.